



e-JURNAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
<https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi>  
e-ISSN 2289-7909  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
SELANGOR

VOL. 10 NO. 1 (APRIL 2023): pp 75 - 90

Received: January 31, 2023

Accepted: April 4, 2023

Published: April 30, 2023

## **Persepsi Pelajar Pengajian Bahasa Arab Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran Balaghah Menggunakan Pendekatan Teknologi**

*The Perception of Arabic Language Studies Students on Learning and Teaching Arabic Rhetorical Sciences Using Technology Approach*

**Nasimah Abdullah**

Universiti Islam Selangor (UIS)

[nasimah@kuis.edu.my](mailto:nasimah@kuis.edu.my)

**Saifulah Samsudin**

Universiti Islam Selangor (UIS)

[saifulah@kuis.edu.my](mailto:saifulah@kuis.edu.my)

**Lubna Abd. Rahman**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

[lubna@usim.edu.my](mailto:lubna@usim.edu.my)

**Ahmad Nazeer Zainal Arifin**

Universiti Islam Selangor (UIS)

[ahmadnazeer@kuis.edu.my](mailto:ahmadnazeer@kuis.edu.my)

**Muhamad Adham Hambali**

Universiti Islam Selangor (UIS)

[adhamhambali@kuis.edu.my](mailto:adhamhambali@kuis.edu.my)

## ABSTRAK

Kajian-kajian terdahulu menemui bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap subjek balaghah adalah sangat lemah. Hal ini berpunca daripada permasalahan proses pengajaran dan pembelajaran, penumpuan kepada hafalan kaedah dan contoh-contoh unsur balaghah tanpa memberi penekanan kepada unsur aplikasi. Kebanyakan kajian terdahulu merumuskan bahawa pengajaran dan pembelajaran subjek balaghah perlu diberikan anjakan paradigma bukan sahaja dari sudut sukatan pelajaran, kaedah dan teknik, malah juga perlu diterapkan penggunaan teknologi demi menarik minat pelajar mempelajari dan mendalami subjek balaghah. Justeru itu, satu kajian kuantitatif dan deskriptif telah dilakukan bertujuan mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran balaghah menggunakan pendekatan teknologi. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar dalam bidang pengajian Bahasa Arab di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT). Sampel kajian ini melibatkan 129 orang responden daripada IPT yang berbeza dan menggunakan instrumen soal selidik melalui google form dalam mendapatkan maklum balas. Hasil maklumbalas daripada pelajar mendapati bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran subjek balaghah adalah berada pada tahap sederhana, sedangkan kecenderungan pelajar untuk mempelajari dan memahami subjek balaghah melalui penggunaan teknologi adalah tinggi. Oleh itu, penyelidik berpandangan satu kajian berkaitan analisis keperluan pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam memahami subjek balaghah perlu diusahakan ke arah penginovasian dalam pembelajaran dan pengajaran subjek balaghah selain berupaya mewujudkan pengalaman baharu dalam pembelajaran dan pengajaran balaghah di IPT.

*Kata kunci: Persepsi; Pembelajaran dan Pengajaran; Balaghah; Pendekatan Teknologi*

## ABSTRACT

*Previous studies found that students' mastery of Arabic rhetorical sciences is fragile because of the problem of the teaching and learning process, focusing on memorizing methods and examples of rhetorical elements without emphasizing application elements. Most of these studies have concluded that in order to attract students' interest in studying Arabic rhetorical science and enhancing their understanding in this discipline, a paradigm shift in how Arabic rhetorical science is taught and learned needs to be brought forward. This paradigm shift must take into account technology as well as the syllabus, methods, and techniques. Therefore, this research conducted a quantitative and descriptive study to identify students' perceptions of learning and teaching Arabic rhetorical studies using the technology approach. This study was conducted on students in the field of Arabic studies at several higher education institutions. The sample of this study involved 129 respondents from*

*different institutions of higher education and employed a questionnaire instrument through google Forms to obtain feedback. The feedback results from students found that the use of technology in learning and teaching Arabic rhetorical science is at a moderate level. In contrast, the tendency of students to learn and understand the subject of Arabic rhetorical science through the use of technology is high. Therefore, learning and teaching Arabic rhetorical science needs innovation to create new experiences in learning and teaching in higher education institutions.*

*Keywords: Perception; Learning and Teaching; Arabic Rhetorical Sciences; Technology Approach*

## PENDAHULUAN

Berdasarkan pengkajian linguistik Arab, istilah balaghah merupakan salah satu daripada komponen utama bahasa Arab selain *ṣawṭiyyat* (iaitu fonetik), *ṣorf* (iaitu morfologi), *naḥw* (iaitu sintaksis). Balaghah merujuk kepada ilmu retorik Arab iaitu satu bidang ilmu yang merujuk kepada sampainya sesuatu maksud atau makna dengan menggunakan bahasa yang betul dari aspek kata, tepat berdasarkan struktur sintaksis dan sesuai dengan konteks pengujaran atau teks yang dihasilkan (Azman, 2018). Dengan erti kata lain, balaghah ialah satu cabang pengkajian linguistik yang berada pada tahap teratas selepas fonetik, morfologi dan sintaksis (Mohd Zaki & Che Radiah, 2013) yang berkait secara langsung dengan analisis wacana pada tahap leksikal, ayat dan teks (Azman, 2018). Menurut Abdul-Raof, (2006:15), pengkajian mengenai balaghah bahasa Arab kurang mendapat perhatian yang secukupnya seperti yang berlaku kepada *naḥw* (iaitu sintaksis) bahasa Arab walaupun balaghah merupakan lanjutan daripada perbincangan *naḥw*.

Ilmu balaghah Arab telah melalui beberapa era perkembangan dan perubahan terutamanya berkaitan pemilihan istilah dan penentuan aspek-aspek ilmu yang diperbincangkan. Pada asalnya, ilmu balaghah Arab wujud dalam bentuk penggunaan yang sangat meluas pada era sebelum kedatangan Islam. Namun, perbincangan tentang keistimewaan ilmu ini sampai ke kemuncaknya selepas penurunan al-Quran. Al-Quran telah mempengaruhi sastera Arab secara meluas kerana keunikan dan keindahan bahasa al-Quran berjaya mengatasi karya sastera tokoh-tokoh sastera Arab di masa itu (Ahmad Hasbullah, 2001).

Sebelum kurun ke-5 Hijrah, topik perbincangan ilmu balaghah berselerakan dalam buku-buku ulama balaghah dan sastera Arab seperti *al-Bayān wa al-Tabyīn* oleh al-Jāhiz, *al-Badī'* oleh Ibn al-Mu'taz dan *Naqd al-Syi'ri* oleh Qudamah ibn Ja'far. Antara kurun ke-5 Hijrah hingga ke-7 Hijrah, topik perbincangan ilmu balaghah semakin hangat dengan kemunculan 'Abdul al-Qahir al-Jurjani iaitu pada kurun ke-5 yang memperkenalkan teori *al-naẓam* dalam buku *Dalā'il al-'Ijāz*, al-Zamakhshari iaitu pada kurun ke-6 dengan tafsir *balaghi* iaitu al-Kasyāf dan al-Sakkāki iaitu pada

kurun ke-7 dengan Miftāh al-‘Ulūm yang membahagikan secara tidak langsung perbincangan balaghah kepada tiga cabang iaitu *al-Ma’āni*, *al-Bayān* dan *al-Badī’*.

Ada yang berpandangan bahawa ilmu balaghah menjadi satu disiplin ilmu di tangan ‘Abdul al-Qahir al-Jurjani kerana beliau mengutarakan teori *al-naẓam* (Muhd. Zulkifli, 2001). Tetapi, ada pihak yang menyanggah pendapat tersebut dengan mengatakan bahawa ilmu balaghah menjadi satu disiplin ilmu di tangan al-Sakkāki kerana beliau telah membahagikan cabang ilmu balaghah kepada tiga iaitu *al-Ma’āni*, *al-Bayān* dan *al-Badī’*. Walau apa pun perbezaan pandangan tentang isu tersebut, Syauqi Dayf (1965) mengatakan bahawa kemuncak zaman kegemilangan ilmu balaghah adalah pada zaman ‘Abdul al-Qahir al-Jurjani, al-Zamakhsyari dan al-Sakkāki.

Manakala, pada abad ke-8 hijrah, muncul buku *al-Īdāh fī ‘Ulūm al-Balaghah* oleh al-Khāṭib al-Qazwīnī (w.739H) yang telah membahaskan secara tuntas topik perbincangan balaghah berasaskan kepada pengkategorian ilmu *al-Ma’āni* (*stylistics*), ilmu *al-Bayān* (*figures of speech*) dan ilmu *al-Badī’* (*embellishments*) (Abdullah, Samsudin & Suliman, 2021). Ketiga-tiga cabang ilmu ini saling berkaitan antara satu sama lain. Ilmu *al-Ma’āni* merupakan teras ilmu balaghah, manakala ilmu *al-Bayān* dan ilmu *al-Badī’* pula merupakan unsur pelengkap (Azman, 2018). Perbincangan tentang kesenian balaghah Arab tidak terkeluar daripada tiga cakupan tersebut sehinggalah sekarang. Malah, setiap satu cabang ilmu balaghah tersebut mempunyai keistimewaan dan keunikannya tersendiri.

Dalam dimensi lain pula, ilmu bahasa Arab mempunyai hubungan langsung dengan masyarakat Melayu ekoran kedatangan Islam ke alam Melayu. Masyarakat Melayu cenderung mempelajari bahasa Arab sebagai satu usaha memahami dan mendalami al-Quran dan hadis. Rentetan itu, pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dalam kurikulum Malaysia bukanlah satu perkara yang asing lagi hinggakan balaghah telah dijadikan salah satu komponen penting dalam kurikulum kebangsaan di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi (Muhammad, 2008; Halim et al., 2018). Oleh itu, pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau ketiga sudah pasti akan mempelajari balaghah. Walau bagaimanapun, pembelajaran dan pengajaran balaghah masih menimbulkan polemik ekoran kesukaran mempelajarinya. Ada pihak yang mengatakan bahawa kesukaran tersebut berpunca daripada kepelbagaian cabang ilmu balaghah dan jenis-jenisnya serta faktor-faktor lain berkaitan kaedah pembelajaran dan pengajaran, kepadatan silibus, dan kekurangan bahan bantu mengajar.

#### **KEPELBAGAIAN CABANG ILMU BALAGHAH DAN JENIS-JENISNYA**

Dari abad ke-8 hijrah hingga sekarang ilmu balaghah diperbincangkan dalam ruang lingkup tiga cabang ilmu iaitu ilmu *al-Ma’āni* (*stylistics*), ilmu *al-Bayān* (*figures of speech*) dan ilmu *al-Badī’* (*embellishments*). Setiap cabang tersebut mempunyai jenis-jenisnya tersendiri.

### **Ilmu *al-Ma'āni***

Ilmu *al-Ma'āni* ialah cabang ilmu yang membincangkan jenis ujaran dalam bahasa Arab berasaskan struktur dan penggunaannya dalam sesebuah wacana. *al-ma'āni* (المعاني) ialah kata majmuk bagi *al-ma'na* (المعنى) iaitu maksud. Azman (2018) menjelaskan bahawa maksud di sini merujuk kepada makna setiap lafaz yang disebut oleh seseorang sama ada dari sudut pemilihan, penyusunan dan penyampaiannya. Kesemua sudut tersebut mestilah berasaskan aspek sintaksis. Para sarjana balaghah membahagikan ilmu *al-Ma'āni* kepada tujuh (7) jenis ujaran iaitu *khbari* (pelaporan), *inshā'i* (pemakluman), *qaṣr* (pengkhususan), *al-faṣl* (pemisahan) dan *al-waṣl* (penyambungan), *al-musāwah* (persamaan), *al-ījāz* (ringkas) dan *al-itnāb* (lebih unit kata). Ringkasnya, cabang ilmu ini memberi tumpuan kepada stilistik.

### **Ilmu *al-Bayān***

Ilmu *al-Bayān* ialah cabang ilmu yang membahaskan tentang prinsip dan kaedah penyampaian makna dengan bentuk ujaran yang berbeza namun mempunyai rujukan yang jelas dan terang (Azman, 2018). Ilmu *al-Bayān* boleh juga difahami sebagai ilmu yang membincangkan makna dan peraturan yang menjelaskan sesuatu idea melalui pelbagai cara yang boleh menghasilkan kesan tersendiri kepada pendengar (Halim et al., 2018). Antara bentuk ujaran ilmu *al-Bayān* yang dibincangkan oleh sarjana balaghah ialah *al-tashbīh*, *al-isti'ārah*, *al-kināyah*, *al-majāz al-mursal* dan *al-majāz al-'aqli*.

### **Ilmu *al-Badī'***

Ilmu *al-Badī'* ialah cabang ilmu yang memperkatakan tentang penggunaan gaya stilistik seseorang merangkumi pemilihan unsur kata dan rimanya dalam ujaran serta membina gaya tersendiri, tetapi sepadan dengan konteks dan jelas maksudnya (Azman, 2018). Ilmu *al-Badī'* membahaskan tentang selok belok dan cara memperindahkan sesuatu ungkapan. Dengan erti kata lain, ilmu *al-Badī'* memberi fokus kepada kreativiti seseorang dalam mengujarkan sesuatu ungkapan dengan cara tersendiri. Perbincangan ilmu ini memfokuskan kepada makna dan lafaz. Antara bentuk ujaran ilmu *al-Badī'* yang dibincangkan oleh sarjana balaghah ialah *al-iqtibās*, *al-ṭibāq*, *al-jinās*, *al-tauriyyah*, *al-saja'* dan *al-muwazanah*.

Rumusannya, ilmu *al-Ma'āni* memberi perhatian dari segi kesesuaian ucapan dengan keadaan pendengar dan tujuan sesuatu ucapan yang lahir daripada penutur, ilmu *al-Bayān* pula membincangkan tajuk-tajuk seperti bahasa kiasan, perumpamaan, dan simpulan bahasa, manakala ilmu *al-Badī'* pula membincangkan penggunaan kata dan frasa yang berbunga dalam sesuatu ucapan (Mohamad, 2011).

Daripada penjelasan tentang kepelbagaian cabang ilmu balaghah dan jenis-jenisnya, tidak hairanlah jika sekiranya pembelajaran balaghah menjadi satu cabaran besar kepada pelajar Melayu yang tidak bertutur dalam bahasa Arab. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan menelusuri sorotan kajian-kajian lepas tentang masalah dalam pembelajaran balaghah sebagai satu landasan kepada objektif kajian

ini iaitu mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran balaghah menggunakan pendekatan teknologi.

## **SOROTAN LITERATUR TERHADAP MASALAH PEMBELAJARAN ILMU BALAGHAH**

Terdapat beberapa literatur kajian yang menunjukkan kewujudan pelbagai masalah berkaitan dengan pembelajaran disiplin ilmu balaghah di pusat-pusat pendidikan di Malaysia. Masalah ini wujud hampir di semua lokasi pengajian disiplin ilmu ini. Sulaiman dan Wahid (2021) dalam kajian mereka berdua menyatakan bahawa kekurangan kepelbagaian pendekatan dalam pembelajaran balaghah menjadi salah satu permasalahan dalam pembelajaran ilmu ini. Kajian ini melihat pentingnya proses pembelajaran ilmu ini berasaskan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Menurut Abdullah & Omar (2016) pula, kaedah pengajaran ilmu balaghah yang dipraktikkan di Malaysia masih berorientasikan peperiksaan dan hafalan yang merangkumi definisi, contoh serta teori-teori dan kebanyakannya berpusatkan pensyarah. Kaedah ini tidak menjadikan pelajar seorang kompeten dalam berbahasa kerana mereka tidak mampu mempraktikkan nilai estetika yang dipelajari dalam ilmu balaghah (A. J. Othman et al., 2011). Sopian et al. (2013) dalam kajian terhadap para pelajar SMA di Melaka mendapati responden kurang bersetuju dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai dalam pembelajaran *balaghah*. Kajian ini menegaskan bahawa guru seharusnya didedahkan dengan pelbagai teknik baru bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan mencadangkan penggunaan kaedah induktif (*al-Tariqah al-Istiqraiyyat/al-Tariqat al-istinbatiyyat*).

Rosni Samah dan Marwan Ismail (2006) pula mendapati bahawa tahap penguasaan para pelajar terhadap subjek balaghah adalah sangat lemah. Ini disebabkan oleh permasalahan proses pengajaran dan pembelajaran, penumpuan kepada hafalan kaedah dan contoh-contoh unsur balaghah tanpa memberi penekanan kepada unsur aplikasi. Mohamad Syukri Abdul Rahman et al. (2018) pula merumuskan bahawa pendekatan dalam pengajaran modul balaghah perlu diperkasakan, selain penambahbaikan oleh pensyarah dan universiti dari sudut sukatan pelajaran, kaedah mengajar, penyediaan modul khas balaghah dan sebagainya. Beliau turut menyatakan bahawa teknik dan kaedah pengajaran perlu diperbaharui dan dipelbagaikan bagi menarik minat para pelajar dalam mendalami ilmu balaghah. Faktor penyediaan teks bahasa Arab yang dilihat kurang sesuai dengan tahap dan kebolehan pelajar juga mampu menghilangkan minat dan motivasi pelajar dalam mendalami ilmu ini.

Ismail Suardi (2014) menyatakan bahawa guru-guru juga seharusnya mempunyai strategi pengajaran melalui pemilihan dan perancangan dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif pengajaran. Keperluan kepada pendekatan yang efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah satu perkara yang tidak dapat dinafikan. Disiplin

Ilmu balaghah yang unik turut memerlukan penggunaan pendekatan pengajaran yang tepat bagi memastikan disiplin ilmu ini dapat diterima oleh para pelajar dengan mudah.

Faktor motivasi turut mempengaruhi pembelajaran disiplin ilmu balaghah. Faktor utama disebabkan persepsi sebahagian pelajar bahawa komponen ini sebagai suatu yang kompleks dan sukar, selain terpaksa berhadapan dengan pemahaman teks-teks al-Quran, hadis nabi, puisi (*sha'ir*) dan prosa (*nathār*) Arab klasik dan moden (Muhammad, 2008). Manakala Nazri (2017) melalui kajiannya menyatakan responden kajiannya berpendapat bahawa subjek balaghah ini susah disebabkan keterbatasan perbendaharaan kata yang dimiliki yang mengakibatkan mereka kurang memahami konsep balaghah sama ada dalam teks puisi ataupun prosa.

Sery (1999) mendapati bahawa penguasaan ilmu balaghah dalam kalangan pelajar amat rendah dan tidak diminati pelajar. Hal ini masih berlaku walaupun disiplin ilmu ini telah didedahkan kepada pelajar dalam pendidikan bahasa Arab semenjak di tingkatan empat. Sopian et al. (2013) juga mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar agak lemah kerana mereka kurang berminat dan tidak mempunyai kesedaran tinggi tentang kepentingan ilmu balaghah selain kurang keinginan untuk mendalami ilmu balaghah tersebut. Raja Hazirah (2012) pula mendapati tahap penguasaan pelajar IPT terhadap mata pelajaran balaghah berada di tahap rendah dan sederhana, manakala tahap motivasi dan kecenderungan mereka untuk menguasai ilmu ini adalah tinggi. Kajian ini turut menyatakan bahawa pelajar masih belum dapat menguasai ilmu ini dengan sebaiknya, walaupun memperolehi pencapaian yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan.

Kesamaran objektif turut menjadi salah satu permasalahan dalam proses pembelajaran ilmu balaghah. Pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu *balaghah* adalah negatif di mana mereka kurang berminat, kurang mempunyai kesedaran tentang kepentingannya dan kurang keinginan mendalami ilmu ini (Sopian et al., 2013). Abd Rahim Ismail (1999:185) pula berpendapat satu masalah yang dihadapi dalam konteks pengajaran balaghah di Malaysia ialah pemilihan objektif yang tidak sesuai. Menurut beliau, pemilihan objektif yang hanya berkisar di sekitar aras pengetahuan tidak akan mampu memperkembangkan potensi bahasa para pelajar seperti kemampuan bertutur, menulis, memahami teks-teks sastera dan pemupukan cita rasa sastera.

Muhammad (2008) menyatakan tentang kekeliruan dalam pengajaran balaghah. Menurut beliau pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran balaghah banyak yang menyeleweng dari konsep asal pengajaran dan pembelajaran. Hal ini menyebabkan objektif dan matlamat pengajaran dan pembelajaran balaghah tidak berjaya dicapai sepenuhnya. Fenomena kekeliruan terhadap objektif pembelajaran ilmu ini turut dihadapi oleh mahasiswa di peringkat universiti. Abdullah Tahmin (1999) mendapati 80% daripada responden kajiannya yang terdiri

daripada pelajar tahun dua dan tiga Akademi Islam Universiti Malaya mengatakan bahawa mereka masih kabur tentang matlamat belajar balaghah.

Kajian-kajian lepas juga menunjukkan terdapatnya permasalahan berkaitan dengan buku teks. H. H. Othman (1999) mendapati guru dan buku teks adalah punca masalah penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah. Teks balaghah arab yang digunakan dalam buku teks sukar difahami oleh majoriti responden kajian beliau. Sopian et al. (2013) juga turut menyatakan sedemikian di mana kajiannya menunjukkan pelajar menghadapi masalah untuk menggunakan buku teks yang disediakan dan tidak dapat mengambil manfaat darinya. Hal yang demikian menyebabkan mereka tidak dapat membuat tugas-tugas yang diberikan dengan betul.

Menurut Rosni (2009) masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah penggunaan buku teks bahasa Arab Tinggi (BAT) sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu balaghah. Kajian menunjukkan terdapat masalah yang dihadapi oleh para pelajar untuk menggunakan buku teks BAT secara maksimum. Hal ini juga menunjukkan bahawa mereka juga terpaksa merujuk kepada buku-buku lain dalam pembelajaran balaghah. Muhammad et al. (2007) turut menyatakan perkara yang sama di mana analisis data yang dilakukan dalam kajiannya menunjukkan salah satu lagi masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah penggunaan buku teks BAT.

Sumber rujukan yang digunakan juga perlu dititikberatkan bagi mendapatkan kaedah pembelajaran yang berkesan. Kebiasaannya selepas guru mengajar, pelajar akan diberikan latihan dan guru akan memberikan latihan serta tugas yang hanya ada di dalam buku (Muhammad et al., 2004). Hal ini menyebabkan pelajar kurang didedahkan cara yang sebenar tentang ilmu balaghah kerana pelajar hanya menggunakan sebuah buku sahaja sebagai rujukan dan latihan. Pelajar banyak terikat dengan buku sahaja berbanding praktikal pembelajaran ilmu balaghah yang sebenar. Kaedah pembelajaran yang terkini yang lebih menyeronokkan dan menarik perlu dijalankan semasa melaksanakan proses pembelajaran di dalam kelas (Muhammad, 2008). Hal ini bagi memudahkan pelajar untuk lebih memahami ilmu balaghah dengan lebih mendalam dan cepat serta berkesan.

Rumusannya, kajian-kajian terdahulu menemui bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap subjek balaghah adalah sangat lemah. Hal ini berpunca daripada permasalahan proses pengajaran dan pembelajaran, penumpuan kepada hafalan kaedah dan contoh-contoh unsur balaghah tanpa memberi penekanan kepada unsur aplikasi. Kebanyakan kajian terdahulu merumuskan bahawa pengajaran dan pembelajaran subjek balaghah perlu diberikan anjakan paradigma bukan sahaja dari sudut sukatan pelajaran, kaedah dan teknik, malah juga perlu diterapkan penggunaan teknologi demi menarik minat pelajar mempelajari dan mendalami subjek balaghah. Justeru itu, satu kajian kuantitatif dan deskriptif telah dilakukan bertujuan mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran balaghah menggunakan pendekatan teknologi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah jenis penyelidikan kuantitatif dan menggunakan pakai rekabentuk kajian tinjauan dengan mensasarkan hanya pelajar dalam bidang pengajian bahasa Arab di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT). Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah untuk memastikan pemilihan responden mewakili populasi kajian. Sampel kajian ini melibatkan 129 orang responden daripada IPT yang berbeza dan menggunakan instrumen soal selidik melalui *googleform* dalam mendapatkan maklum balas.

Manakala, bilangan sampel bagi kajian rintis pula adalah seramai 30 orang pelajar berbeza yang juga mengambil bidang pengajian Bahasa Arab tetapi tidak termasuk dalam sampel kajian sebenar. Hal ini sejajar dengan pandangan Bolarinwa (2015). Tujuan kajian rintis adalah untuk melihat kesesuaian soal selidik kajian yang digunakan kepada responden kajian sebenar selain untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian berdasarkan pekali Cronbach's Alpha yang mempunyai nilai di antara 0.65 hingga 0.95 (Chua, 2012).

Format instrumen soal selidik adalah merujuk kepada lima (5) mata skala Likert iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Instrumen soal selidik diedarkan melalui kumpulan WhatsApp pelajar. Instrumen soal selidik mengandungi dua (2) bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden yang memuatkan tiga (3) soalan iaitu i) jantina, ii) institusi dan iii) tahap pengajian.

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Responden terdiri daripada 129 pelajar. Majoriti 77.5% (100) terdiri daripada pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki 22.5% (29). Seterusnya, taburan responden pelajar mengikut institusi. Majoriti 35.7% (46) dari USIM, 24.8% (32) dari KUIS, 17.1% (22) dari UNISZA, 8.5% (11) dari UPM, 7.8% (10) dari lain-lain institusi selain yang dinyatakan, 4.7% (6) dari UM dan 0.8% (1) masing-masing dari UKM dan UIAM. Taburan responden pelajar mengikut tahap pengajian pula menunjukkan 34.9% (45) dari Sarjana Muda Tahun 3, diikuti 24.0% (31) dari Sarjana Muda Tahun 1, 17.8% (23) telah graduasi, 14.0% (18) dari Sarjana Muda Tahun 2, 5.4% (7) dari Sarjana Muda Tahun 4, 1.6% (2) dari Sarjana Tahun 2 dan 0.8% (1) masing-masing dari Diploma Tahun 1, 2 dan 3. Tiada responden dari pelajar Asasi Semester 1 hingga 3, Sarjana Tahun 1 dan Doktor Falsafah Tahun 1 hingga 3.

**Jadual 1: Demografi responden**

Demografi Responden	Jumlah responden (N: 129)	
	N	%
<b>Jantina</b>		
Lelaki	29	22.5
Perempuan	100	77.5
<b>Institusi</b>		
KUIS	32	24.8
USIM	46	35.7
UKM	1	0.8
UIAM	1	0.8
UM	6	4.7
UPM	11	8.5
UNISZA	22	17.1
Lain-lain	10	7.8
<b>Tahap Pengajian</b>		
Asasi Semester 1	0	0
Asasi Semester 2	0	0
Asasi Semester 3	0	0
Diploma Tahun 1	1	0.8
Diploma Tahun 2	1	0.8
Diploma Tahun 3	1	0.8
Sarjana Muda Tahun 1	31	24.0
Sarjana Muda Tahun 2	18	14.0
Sarjana Muda Tahun 3	45	34.9
Sarjana Muda Tahun 4	7	5.4
Sarjana Tahun 1	0	0
Sarjana Tahun 2	2	1.6
Doktor Falsafah Tahun 1	0	0
Doktor Falsafah Tahun 2	0	0
Doktor Falsafah Tahun 3	0	0
Telah Graduasi	23	17.8

Manakala bahagian B mengandungi enam (6) soalan berkenaan persepsi pelajar. Persepsi pelajar dibahagikan kepada dua sudut iaitu i) persepsi pelajar terhadap pembelajaran subjek balaghah yang melibatkan pernyataan 1, 2, 5 dan 6, dan ii) persepsi pelajar terhadap penggunaan pendekatan teknologi yang melibatkan pernyataan 3 dan 4. Sila rujuk Jadual 3 iaitu taburan responden mengikut persepsi mengenai subjek balaghah dan penggunaan pendekatan teknologi.

Tatacara penganalisan data adalah menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (IBM SPSS versi 25.0). Data kajian dihuraikan secara deskriptif dalam bentuk purata, sisihan piawai dan interpretasi. Bagi tujuan deskriptif, kajian menggunakan skala sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Semua tahap tersebut dihuraikan berdasarkan nilai purata yang dikumpulkan. Jika petunjuk nilai purata adalah di antara 1.00-1.80, maka tahap ini menunjukkan nilai yang sangat rendah,

1.81-2.60 berada pada tahap rendah, 2.61-3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41-4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21-5.00 adalah tahap sangat tinggi (Tschannen-Moran & Gareis, 2004).

**Jadual 2: Purata Skala lima Likert Mengikut Lima Tahap**

Nilai Purata	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

*Sumber: Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004)*

### DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan enam (6) soalan berkenaan persepsi pelajar terhadap pembelajaran subjek balaghah dan penggunaan pendekatan teknologi yang dirangka dalam borang kaji selidik, kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan persepsi pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai purata keseluruhan = 3.32 dengan sisihan piawai = 0.490. (Sila rujuk Jadual 3). Hasil maklumbalas daripada pelajar mendapati bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran subjek balaghah adalah berada pada tahap sederhana iaitu pada pernyataan 5 dan 6, sedangkan kecenderungan pelajar untuk mempelajari dan memahami subjek balaghah melalui penggunaan teknologi adalah tinggi iaitu pada pernyataan 3 dan 4. Maklumbalas pada pernyataan 1 dan 2 juga menunjukkan bahawa penguasaan pelajar terhadap subjek balaghah dan tahap kefahaman terhadap tajuk-tajuk dalam subjek tersebut juga adalah sederhana.

**Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Persepsi Mengenai Subjek Balaghah dan Penggunaan Pendekatan Teknologi**

Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Interpretasi
	STS	TS	TP	S	SS				
1. Saya menguasai subjek Balaghah.	7.0 (9)	45.7 (59)	23.3 (30)	17.8 (23)	6.2 (8)	<b>24.0</b> <b>(31)</b>	<b>2.70</b>	1.04	Sederhana
2. Saya memahami tajuk-tajuk dalam subjek Balaghah.	6.2 (8)	31.0 (40)	26.4 (34)	30.2 (39)	6.2 (8)	<b>36.4</b> <b>(47)</b>	<b>2.99</b>	1.05	Sederhana
3. Saya suka mempelajari subjek Balaghah jika menggunakan pendekatan teknologi.	0	2.3 (3)	20.9 (27)	52.7 (68)	24.0 (31)	<b>76.7</b> <b>(99)</b>	<b>3.98</b>	.739	Tinggi

4.	Saya akan lebih mudah memahami subjek Balaghah jika menggunakan pendekatan teknologi.	0.8 (1)	1.6 (2)	20.9 (27)	55.8 (72)	20.9 (27)	<b>76.7</b> <b>(99)</b>	<b>3.94</b>	.742	Tinggi
5.	Pensyarah pernah menggunakan alat bantu mengajar menggunakan pendekatan teknologi dalam pengajaran subjek Balaghah.	3.9 (5)	20.9 (27)	33.3 (43)	31.0 (40)	10.9 (14)	<b>41.9</b> <b>(54)</b>	<b>3.24</b>	1.02	Sederhana
6.	Saya pernah menggunakan pendekatan teknologi dalam pembelajaran subjek Balaghah.	5.4 (7)	21.7 (28)	37.2 (48)	29.5 (38)	6.2 (8)	<b>35.7</b> <b>(46)</b>	<b>3.09</b>	.987	Sederhana
							<b>Keseluruhan</b>	<b>3.32</b>	<b>.490</b>	<b>Sederhana</b>

STS: Sangat Tidak Setuju, TS: Tidak Setuju, TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju

## PERBINCANGAN

Perbincangan ini dibahagikan kepada dua (2) sudut persepsi iaitu i) persepsi pelajar terhadap pembelajaran subjek balaghah dan ii) persepsi pelajar terhadap penggunaan pendekatan teknologi dalam P&P balaghah.

### Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Subjek Balaghah

Persepsi pelajar terhadap pembelajaran subjek balaghah melibatkan pernyataan 1, 2, 5 dan 6. Pernyataan 1 berkait dengan penguasaan pelajar terhadap subjek balaghah. Pernyataan 2 berkait dengan kefahaman pelajar terhadap tajuk-tajuk dalam subjek tersebut. Manakala, pernyataan 5 ialah tentang penggunaan pendekatan teknologi oleh pensyarah sebagai alat bantu mengajar bagi subjek tersebut. Pernyataan 6 pula adalah berkait dengan penggunaan pendekatan teknologi oleh pelajar sendiri dalam pembelajaran subjek tersebut.

Pernyataan 1 dalam Jadual 3 menunjukkan nilai purata 2.70 dengan nilai sisihan piawai 1.04 dan pernyataan 2 menunjukkan nilai purata 2.99 dengan nilai sisihan piawai 1.05. Ini menunjukkan bahawa penguasaan pelajar terhadap subjek balaghah dan kefahaman pelajar terhadap tajuk-tajuk dalam subjek tersebut adalah sederhana. Dapatan ini kelihatan seiring dengan pernyataan 5 dan 6 dalam Jadual 3 yang juga memperolehi tahap sederhana iaitu masing-masing mempunyai nilai purata 3.24 dengan sisihan piawai 1.02 dan nilai purata 3.09 dengan sisihan piawai 0.987. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan teknologi oleh pensyarah sebagai alat

bantu mengajar bagi subjek tersebut dan penggunaan pendekatan teknologi oleh pelajar sendiri dalam pembelajaran subjek tersebut berada pada tahap sederhana.

### **Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Pendekatan Teknologi Dalam P&P Balaghah**

Persepsi pelajar terhadap penggunaan pendekatan teknologi dalam P&P balaghah melibatkan pernyataan 3 dan 4. Dalam pernyataan 3, kebanyakan pelajar mengakui bahawa mereka suka mempelajari subjek balaghah jika menggunakan pendekatan teknologi kerana nilai purata ialah 3.98 dengan sisihan piawai 0.739. Malah pernyataan 4 juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar menyatakan lebih mudah memahami subjek balaghah jika menggunakan pendekatan teknologi kerana nilai purata ialah 3.94 dengan sisihan piawai 0.742. Oleh itu, kedua-dua pernyataan ini memperolehi tahap tinggi. Kedua-dua pernyataan 3 dan 4 memperolehi jumlah majoriti pelajar iaitu 99 orang yang menyamai 76.7%. Ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam P&P subjek balaghah adalah positif.

Jika dibandingkan antara dapatan nilai purata pada pernyataan 5 dan 6 yang berada pada tahap sederhana dengan pernyataan 3 dan 4 yang berada pada tahap tinggi, situasi ini menunjukkan bahawa pelajar cenderung menggunakan pendekatan teknologi dalam pembelajaran balaghah walaupun pensyarah dan mereka sendiri jarang menggunakannya. Hal ini sedemikian mungkin kerana terkesan dengan pendekatan pensyarah sendiri yang kurang menggunakan pendekatan teknologi sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran subjek balaghah.

### **PENUTUP**

Hasil maklumbalas daripada pelajar mendapati bahawa motivasi pelajar untuk mempelajari subjek balaghah adalah baik. Hal ini terbukti apabila majoriti mereka menyatakan berminat mempelajari subjek balaghah walaupun penguasaan dan kefahaman mereka adalah kurang baik. Oleh itu, usaha ke arah anjakan paradigma dalam pengajaran subjek balaghah perlu dilakukan agar momentum minat pelajar selari dengan penguasaan dan kefahaman mereka terhadap subjek tersebut.

Hasil maklumbalas daripada pelajar juga mendapati bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran subjek balaghah adalah berada pada tahap sederhana, sedangkan kecenderungan pelajar untuk mempelajari dan memahami subjek balaghah melalui penggunaan teknologi adalah tinggi. Oleh itu, penyelidik berpandangan satu kajian berkaitan analisis keperluan pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam memahami subjek balaghah perlu diusahakan ke arah penginovasian dalam pembelajaran dan pengajaran subjek balaghah selain berupaya mewujudkan pengalaman baharu dalam pembelajaran dan pengajaran balaghah di IPT.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak KUIS umumnya, dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) serta Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) khususnya yang telah memberi peluang kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan melalui dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2021 dengan kod penyelidikan KUIS/2021/GPIK-26/GPM/02 dari tempoh Disember 2021 hingga November 2022.

## RUJUKAN

- Ab. Rahim Hj. Ismail. (1999). *Taalim al-Balaghah al-Arabiyyah fi Kuliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah*. Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab – Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 185-194.
- Abdullah Tahmim. (1999). *Pengajian Balaghah Di Sekolah Dan Pusat Pengajian Tinggi*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah semantik dalam terjemahan Majāz Mursal al-Quran: analisis terhadap hubungan Musabbab. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 508-522. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.145>
- Abdullah, A. H., & Omar, M. C. (2016). A prolonged dilemma: traditional curriculum of Arabic Rhetoric (Balaghah) in Malaysia. *The Social Sciences*, 11(6), 1008-1014.
- Abdul-Raof, H. (2006). *Arabic rhetoric: A pragmatic analysis*. Routledge.
- Ahmad Hasbullah. (2001). Perkembangan Retorik Arab Dari Zaman Umayyah Hingga Zaman Abbasiyyah. Dalam *Monograf Bahasa Arab*. Bil. 1 Mei 2001. Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi, Universiti Putra Malaysia. 99-116.
- Azman Che Mat. (2018). *Ilmu al-Ma'āni dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bolarinwa, O. A. (2015). Principles and methods of validity and reliability testing of questionnaires used in social and health science researches. *Nigerian Postgraduate Medical Journal*, 22(4), 195.
- Chua, Y. P. (2012). *Asas statistik penyelidikan* (Vol. 2). McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Halim, Z. A., Salleh, A. W., Rahman, N. E. A., & Suhane, S. H. M. (2018). Konsep 'Ilm Al-Bayan Dalam Gaya Bahasa Melayu: Sorotan Perbandingan Dan Pemanfaatannya Dalam Pengajaran Ilmu Balaghah. dalam *Proceedings of International Conference on Ummah (ICU2018)*. 406.
- Ismail Suardi, W. (2014). *Model Pembelajaran Bahasa Arab Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan*. Penerbit Deepublish.

- Mohamad, A. H. (2011). Unsur-unsur ilmu badi' Arab dalam syair Hamzah Fansuri. *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu*, 29(2), 67-82.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman, Muhammad Daoh, Muhammad Redzauddin Ghazali & Mohd Rufian Ismail. (2018). Pendekatan Pengajaran Ilmu Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling Volume: 3 Issues:14. June, 2018. 48-58.*
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2013). *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab Satu Pengenalan dalam Ilmu Ma'ani*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad, A. (2008). *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Penerbit UTM Press.
- Muhammad, A., Abdullah, A. H., Basiron, B. B., Jasmi, K. A. B. I. N., & Noor, S. S. B. I. N. M. (2007). *Penguasaan pelajar sekolah menengah Aliran Agama terhadap pengajian ilmu Retorik Arab*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad, A., Mohamed, A. K., & Jasmi, K. A. (2004). *Sudut Perbezaan Mata Pelajaran Al-Balaghah Peringkat Spm dan Stpm Mempengaruhi Perkaedahan dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran*. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhd. Zulkifli Ismail. (2001). Perkembangan Retorik Arab Dari Zaman Umayyah Hingga Zaman Abbasiyyah. Dalam *Monograf Bahasa Arab*. Bil. 1 Mei 2001. Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi, Universiti Putra Malaysia. 30-41.
- Nazri Bin Atoh, Saipolbarin Bin Ramli & Muhammad Zulkifli Bin Abdul Manan (2017). Keberkesanan Pengajaran Al- Balaghah Menggunakan Contoh Ayat Al-Quran. dalam *Proceedings of The International Conference on The Teaching and Learning Of Languages (ICTLL)*. 384.
- Othman, A. J., Norzan, N., Darusalam, G., & Siraj, S. (2011). Cabaran guru program LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34, 37-51.
- Othman, H. H. (1999). Pengajian balaghah di sekolah agama rakyat (Perak): Pengalaman dan tinjauan. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, 113-127.
- Raja Hazirah, R. S. (2012). *Penguasaan Balaghah dalam kalangan pelajar IPT*. Doctoral dissertation, University of Malaya.
- Rosni Samah, & Muhammad Marwan Ismail. (2009). *Laporan Penyelidikan Penguasaan al-Balaghah dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sery, S. A. M. (1999). Perintis ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah. *Bangi: Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Sopian, A., Ahmad, S., & Bakar, K. A. (2013). Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal/Mastery and Problem

- of Students Against the Balaghah Studies: A Preliminary Survey. *Islamiyyat*, 35(1), 93.
- Sulaiman, R. H. R., & Wahid, N. A. (2021). Faktor-faktor Kelemahan Pembelajaran Balaghah (Factors of Weaknesses in Learning Balaghah). *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(2), 111-120.
- Tschannen-Moran, M., & Gareis, C. R. (2004). Principals' sense of efficacy: Assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration*, 42(5), 573-585.